



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: Bil (36) KKM-87 (P20/707) Bhg 2

Tarikh: 18hb Mac 2002

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Y. Bhg. Dato'/Tuán/Puan

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 2/2002
PENUBUHAN JAWATANKUASA IMPLEMENTASI 'TOTAL HOSPITAL
INFORMATION SYSTEM' (THIS)**

Dengan segala hormatnya, saya ingin merujuk kepada perkara di atas.


2. Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Implementasi THIS. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab untuk merangka dasar, merancang strategi dan memantau pelaksanaan Projek THIS di hospital-hospital baru dan sedia ada di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Saya berharap agar dengan penubuhan jawatankuasa ini akan membantu melancarkan lagi pelaksanaan Projek ICT dan Telekesihatan MSC-KKM.

Sekian terimakasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,


DATU DR. HJ. MOHAMAD TAHA B. ARIF
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (P&ST)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

PENUBUHAN JAWATANKUASA IMPLEMENTASI 'TOTAL HOSPITAL INFORMATION SYSTEM' (THIS)

1. TUJUAN:

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Implementasi "*Total Hospital Information System*' (THIS) untuk merangka dasar, merancang strategi dan memantau pelaksanaan Projek THIS di hospital-hospital baru dan sedia ada di Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. LATARBELAKANG


- 2.1. Di bawah projek Rancangan Malaysia Ketujuh, Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya telah dibangunkan dengan sistem THIS. Kedua-dua hospital telah disiapkan dan mula beroperasi berlandaskan konsep 'paperless' dan 'filmless'.
- 2.2. Di bawah RMK-8, sebanyak 30 hospital baru telah diluluskan untuk dilaksanakan dengan sistem IT, yang mana 6 buah hospital akan dilengkapi dengan THIS yang komprehensif dan yang lain dengan sistem 'basic' dan 'intermediate' HIS.
- 2.3. Konsortium Solutions Protokol Sdn Bhd telah pun dilantik sebagai kontraktor untuk melaksanakan THIS. Pada mulanya pakej 1 untuk 13 hospital baru telah diluluskan dan tawaran kontrak akan ditandatangani pada 12/3/2002.

3. CADANGAN

- 3.1. Kontrak pembangunan fizikal dan IT untuk 13 hospital baru akan diuruskan oleh pihak JKR. Bahagian Perancangan dan Pembangunan akan menyelaraskan keperluan Kementerian Kesihatan dengan pihak JKR.
- 3.2. Bagi memastikan hospital-hospital tersebut dirancang dan dibangunkan serta beroperasi mengikut hasrat Kementerian Kesihatan, satu Jawatankuasa Implementasi perlu ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan ahli-ahli Jawatankuasa ini akan terdiri daripada Bahagian-bahagian berkaitan, termasuk wakil pengguna. Sila lihat lampiran bagi senarai cadangan ahli mesyuarat.
- 3.3. Di antara tugas Jawatankuasa ini ialah untuk :
 - Merancang strategi-strategi pelaksanaan THIS di semua hospital di bawah KKM.
 - Memantau pelaksanaan THIS di semua hospital di bawah Pakej 1
 - Menyediakan dasar dari segi keperluan 'domain' dan 'functionality'
 - Merancang keperluan 'core team' di peringkat kementerian dan hospital

- Menyediakan pasukan pakar untuk tugas-tugas berkaitan 'testing' dan 'commissioning'
 - Mengenalpasti keperluan peruntukan di bawah Dasar Baru.
 - Merancang dan menyelaraskan kajian untuk menilai keberkesanan projek
- 3.4. Isu-isu berkaitan teknikal akan terus dikendalikan oleh Pusat Teknologi Maklumat, Kementerian Kesihatan.
- 3.5. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Pemandu Telekesihatan yang dipengerusikan oleh KPK.
- 3.6. Urusetia akan ditempatkan di Unit Telekesihatan.

4. Carta Organisasi



LAMPIRAN 1

Jawatankuasa Pelaksanaan THIS

1. Pengerusi - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
2. Ahli tetap - Pengarah, Bahagian Perkembangan Perubatan
Pengarah, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Pengarah, Bahagian Pergigian
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Pengarah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
Ketua Pasukan Telekesihatan
Pengarah, Hospital Selayang
Pengarah, Hospital Putrajaya
- Urusetia - Unit THIS, Telekesihatan
Bahagian Perkembangan Perubatan.

Kekerapan mesyuarat - 3 kali setahun.

3. Terma Rujukan

- a) Merancang strategi pelaksanaan THIS untuk semua hospital.
- b) Memantau pelaksanaan THIS di semua hospital di bawah Pakej 1
- c) Menyediakan dasar dari segi keperluan 'domain' dan 'functionality'
- d) Mengenalpasti dan mengutamakan 'functionalities' bagi operasi sistem
- e) Merancang strategi dan aktiviti untuk 'change management' di semua hospital
- f) Membantu menyediakan kriteria evaluasi bagi penilaian dan pemilihan 'solution' yang akan disokong oleh kumpulan-kumpulan tertentu.
- g) Menyediakan piawaian untuk keperluan fungsi hospital.
- h) Memastikan Piawaian 'Health Informatic' yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu dapat dilaksanakan.
- i) Merancang keperluan core team di peringkat kementerian dan setiap hospital
- j) Memastikan pasukan pakar untuk 'testing dan commissioning'
- k) Menegenapasti keperluan peruntukan di bawah Dasar Baru
- l) Merancang dan menyelaras kajian untuk menilai keberkesanan projek THIS seperti berikut :-
 - 'Benefits to Patients'
 - 'Benefits to Care providers'
 - 'Benefits to health facility'
 - 'Health Outcome'
 - 'Project Management & Sustainability'
 - 'System Maintenance'